

→ SUKAN

Azilah 'pantang' bazar Ramadan

→ Atlet bola jaring kebangsaan gemar cari juadah berbuka, kemeriahan pengunjung

PERSONALITI

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Atlet bola jaring kebangsaan, Noor Azilah Aziz dibesarkan dalam ahli keluarga yang ramai. Maka tidak hairanlah dia sangat gemar dengan kemeriahan di bazar Ramadan bagi membeli juadah berbuka puasa.

Anak kelima daripada lapan beradik itu berkata jika ada kelapangan, dia pasti akan ke bazar untuk merasai sendiri kemeriahan dan keriuhan orang ramai.

"Saya memang dari dulu lagi suka ke bazar Ramadan mungkin sebab saya suka berjalan agaknya. Kadang kala saya jadi 'runner' untuk kawan-kawan beli juadah yang mereka nak, saya tak kisah," katanya yang gemar ke Bazar Ramadan Serdang.

Atlet tinggi lampaui yang bermain di posisi goal defence (GD) itu berkata jadinya pada sebelah tengah hari dipenuhi dengan kuliah dalam jurusan Pendidikan Jasmani di Universiti Putra Malaysia (UPM) sebelum sesi latihan pada sebelah petang dan malam.

"Kadang kala bila sudah penat dengan latihan, nak makan pun tak lalu sangat biarpun sudah membeli pelbagai juadah di bazar. Saya cuma suka berjalan-jalan melihat orang ramai berniaga," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Azilah berkata beliau pernah merasai cabaran berpuasa di luar negara

untuk menyertai satu pertandingan kira-kira lima tahun lalu.

"Setakat ini, sudah dua kali saya merasai pengalaman berpuasa di luar negara. Satu daripadanya adalah ketika latihan di Gold Coast, Australia kira-kira dua tahun lalu dan satu lagi ketika saya berumur 16 tahun.

Raya di Muar

"Pada ketika itu kami perlu bermain dua pertandingan pada satu hari, memang penat sangat," katanya.

Bercerita tentang sambutan Aidilfitri, Azilah berkata keluarganya menetap di Kluang, Johor namun akan pulang di kampung halaman di Muar untuk bertemu saudara-mara.

"Sama juga ketika Aidilfitri, bila balik ke Johor saya dan adik beradik lain selalunya akan ke Ekspo Hari Raya. Saya mesti pergi ke situ tetapi selalunya akan pergi malam terakhir sebelum Aidilfitri sebab lagi meriah suasananya dengan adanya jualan lelong," katanya.

Azilah berkata sejak menjadi atlet bola jaring pada usia tujuh tahun, beliau sentiasa berpeluang meraikan Aidilfitri bersama keluarga di Johor biarpun sehari dua sahaja.

"Kalau di Kluang yang istimewa pada hari pertama Aidilfitri, emak akan memasak bakso selain ketupat dan rendang. Kemudian jika ke Muar pula yang istimewa pastilah ada sate dan juga kupang bakar.

"Tetapi memang seronok bila balik di Muar sebab keluarga besar kami semua balik dan makan bersama-sama," katanya.

Noor Azilah (kanan) pada Kejohanan Bola Jaring Remaja Kebangsaan Ke-35 2019 di Stadium Juara, Bukit Kiara, baru-baru ini.

Info

→ Nama: Noor Azilah Aziz
→ Sukan: Bola Jaring
→ Tarikh lahir: 9 September 1998 (21)
→ Ketinggian: 1.71 meter
→ Adik beradik: 8 orang
→ Pencapaian: Pingat emas pada Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur

Setakat ini, sudah dua kali saya merasai pengalaman berpuasa di luar negara. Satu daripadanya adalah ketika latihan di Gold Coast, Australia kira-kira dua tahun lalu dan satu lagi ketika saya berumur 16 tahun"

Noor Azilah Aziz,
Atlet bola jaring kebangsaan

